

Kesedaran berhubung pentingnya hibah meningkat

MSAM
MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA

SEBERANG PERAI – Tahap kesedaran orang ramai berhubung pentingnya mengambil pelan hibah bagi memastikan waris atau keluarga yang ditinggalkan tidak menghadapi masalah terutamanya berkaitan kewangan semakin meningkat.

Pengurus Agensi El-Sham, Haslina Hashim berkata, senario itu dapat dilihat kebelakangan ini memandangkan orang ramai semakin memahami pentingnya pengurusan kewangan ketika



HASLINA (kiri) berkongsi mengenai hibah bersama pengunjung sempena MSAM 2023 di Setia Fontaines, Bertam semalam.

masih hidup.

Beliau yang berpengalaman selama 15 tahun dalam bidang itu memberitahu, ramai yang bermulat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai hibah dan pihaknya bertanggungjawab memastikan maklumat diperolehi mereka adalah tepat.

“Kita mahu lebih ramai memahami kepentingan mencarum hibah menggunakan kaedah terbaik berdasarkan situasi kewangan masing-masing,” katanya ketika ditemui pada Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2023 di sini semalam.

Menurut Haslina, hibah penting kerana ia membabitkan kehidupan dua pihak dan boleh dihidiahkannya kepada sesiapa sahaja termasuk anak angkat.

Tambahnya, hibah tidak termasuk dalam pembahagian faraid dan pengetahuan mengenai hibah mampu mengelakkan lebih banyak masalah termasuk pertelingkahan semasa urusan pembahagian harta pusaka.

“Sekiranya pencarum ditimpa musibah dan meninggal dunia, sejumlah wang ditinggalkan sekarang-kurangnya dapat membantu memudahkan waris dalam urusan harian termasuklah melangsaikan hutang tertunggak pencarum,” katanya.

MSAM 2023 berlangsung selama sembilan hari sehingga 8 Oktober ini turut disertai rakan korporat antaranya Maybank, Sime Darby Plantation Berhad, UMW Holdings Berhad, S P Setia Berhad selaku Rakan Premier.